

28/02/2000

Permusuhan bakal hancurkan tamadun Melayu

KEHANCURAN tamadun Melayu bukanlah sesuatu yang mustahil, sebagaimana leburnya beberapa tamadun kaum lain di dunia. Sekiranya orang Melayu bermusuhan sesama sendiri dan ghairah berebut kuasa sesama sendiri, ia dengan jelas menunjukkan tanda-tanda awal kehancuran, sudah bermula. Ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya pertentangan politik yang memecahkan perpaduan kaum, kini merentasi soal ideologi dan agama. Ketika masalah ekonomi masih belum diselesaikan sepenuhnya, wujud pula perbalahan politik yang mempercepatkan proses kehancuran. Seandainya, fenomena negatif ini berterusan, tidak syak lagi kecemerlangan tamadun Melayu, menjadi kian singkat. Segala-gala yang dicipta untuk meningkatkan maruah dan martabat bangsa, akan lenyap ditelan zaman.

Hari ini, orang Melayu menghadapi begitu banyak krisis keyakinan. Mereka sudah tidak mahu lagi mendengar nasihat manakala isu kepercayaan agama sesama Islam dipertikaikan. Mereka bersifat membujur lalu, melintang patah tanpa sedikit pun memikirkan soal bahaya tindakan mereka itu. Mereka seolah-olah mahu mengambil bahagian untuk melihat sendiri orang Melayu tersungkur. Mereka mahu melihat orang Melayu terumbang-ambing di negara sendiri dan menjadi bangsa terpinggir.

Ciri-ciri kemusnahan yang kini berada di ambang pintu, nampaknya masih belum menimbulkan kesedaran di kalangan orang Melayu. Sesetengah orang Melayu sendiri yang mengharapakan kemusnahan itu, hanya disebabkan mereka mahu berkuasa. Persatuan orang Melayu yang sudah berpecah, dipecah-pecahkan lagi. Orang Melayu dihasut supaya membenci kepada kepemimpinan Melayu. Mereka menuduh kepemimpinan Melayu tidak adil terhadap orang Melayu sedangkan mereka membutakan mata dan memekakkan telinga terhadap setiap penjelasan yang cuba disampaikan kepada mereka. Mereka tidak lagi berbangga dengan kejayaan orang Melayu yang mencipta nama di persada dunia. Kemajuan negara yang memberi keselesaan kepada begitu ramai orang Melayu, tidak lagi membanggakan mereka. Sebaliknya, apa yang dilakukan untuk orang Melayu dianggap keji dan dihina. Mereka khayal dengan sogokan politik pihak tertentu supaya jangan lagi percaya kepada kejujuran pemerintahan orang Melayu.

Orang Melayu bernasib baik kerana masih mempunyai pemimpin yang tabah untuk mempertahankan kepentingan orang Melayu. Pelbagai tohmahan yang dilemparkan kepada mereka, masih belum menimbulkan rasa kecewa untuk meneruskan perjuangan.

Sebaliknya, ia dianggap sebagai cabaran, malah menguatkan lagi azam untuk mempertahankan keagungan bangsa dan tamadun Melayu.

Walau pun orang Melayu di negara ini boleh bermegah dengan kejayaan mereka setakat ini, tetapi mereka bukanlah satu kaum yang benar-benar kuat. Orang Melayu masih belum boleh bertapak dengan kukuh di negara lain. Hanya negara inilah bumi mereka mampu maju dan menentukan hala tuju bangsanya. Orang Cina, umpamanya, boleh maju di mana pun mereka merantau kerana ikatan persaudaraan yang begitu erat, diperkukuhkan lagi dengan genggam ekonomi mereka. Orang Melayu tidak ada tempat lain untuk meneruskan hidup bermasyarakat kerana kelemahan yang masih terserlah. Sememangnya orang Melayu boleh menempa nama di dunia tetapi ia mestilah membuktikan kekuatannya terlebih dahulu di negara sendiri. Jika di negara sendiri, mereka berpecah, tidak ada kaum lain yang akan menghormati mereka. Ia hanya memberi peluang kepada orang asing untuk menjajah negara ini.

Ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Kongres Profesional Muda Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kelmarin mengandungi mesej paling bermakna kepada orang Melayu. Sekiranya budaya mudah berpuas hati, merebut kuasa dan bermusuhan sesama sendiri, tidak dibendung, tamadun moden yang dibina akan runtuh. Sejarah sudah pun membuktikan banyak kehancuran kaum lain di dunia. Apakah rakyat Malaysia tidak belajar daripada pengalaman seperti itu yang mana sebuah empayar sekali pun boleh runtuh akibat sikap buruk sangka sesama sendiri. Dengan penyaluran maklumat yang mengelirukan bergerak begitu pantas untuk meracuni pemikiran rakyat, diperkukuhkan dengan sikap benci-membenci dan fitnah-memfitnah yang sememangnya menebal dalam masyarakat orang Melayu, ia akan menguatkan lagi kepercayaan bahawa tamadun orang Melayu, akan hancur.

Keadaan ini hanya akan dapat diselamatkan jika seluruh orang Melayu sama-sama kembali ke pangkal jalan, berpadu tenaga, bekerjasama dan membuang segala syak wasangka. Tamadun Melayu hanya mampu diselamatkan oleh orang Melayu sendiri.

(END)